



**PEKELILING PENGARAH TANAH  
DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**BAHAGIAN 4**

**PENGURUSAN BAHAN  
BATUAN DAN BAHAN  
MINERAL**

---

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH  
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR

---



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2010 (KG)**

---

**JANGKAMASA YANG DIBERIKAN KEPADA JABATAN-JABATAN TEKNIKAL  
UNTUK ULASAN BAGI PROSES PERMOHONAN, PENGETUARAN DAN  
PEMINDAHAN BAHAN BATUAN DAN BAHAN MINERAL DI NEGERI KEDAH**

---

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa One Stop Center (OSC) kali ke 1/2010 bertarikh 27 Januari 2010 berkenaan Jangkamasa Yang Diberikan Kepada Jabatan-Jabatan Teknikal Untuk Ulasan Bagi Proses Permohonan, Pengeluaran dan Pemindahan Bahan Batuan Dan Bahan Mineral di Negeri Kedah.

2. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa telah bersetuju memutuskan seperti berikut;

“Jawatankuasa bersetuju menetapkan iaitu semua komen daripada Jabatan Teknikal hendaklah diberikan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh surat. Sekiranya Jabatan Teknikal tidak memberi sebarang komen dalam tempoh tersebut adalah **dianggap Tiada Ketegahan**”.

3. Oleh itu semua Pentadbir Tanah Daerah diminta memaklumkan kepada mana-mana jabatan teknikal yang dirujuk supaya memberi komen dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat.

#### 4. TARIKH KUATKUASA

**Berkuatkuasa mulai serta merta.**

**“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG. KED. U / 33 (P) / 2009

Bertarikh : 28 Jamadilawal 1431H

: 13 Mei 2010



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 8 TAHUN 2012**

---

**PEMBEKUAN PERMOHONAN PERMIT MENGAMBIL, MENGELOUAR DAN  
MEMINDAHKAN PASIR DARAT DI ATAS TANAH KERAJAAN DAN TANAH  
HUTAN SIMPAN DI SELURUH NEGERI KEDAH**

---

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Penradbir Tanah Daerah mengenai keputusan Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah Darul Aman, Kali 3/2012 bertraikh 18 Julai 2012 berkaitan “**Pembekuan Permohonan Permit Mengambil, Mengeluar Dan Memindahkan Pasir Darat Di Atas Tanah Kerajaan Dan Tanah Kerajaan Dan Tanah Hutan Simpan Di Seluruh Negeri Kedah.**”

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Isu ini timbul ekoran keputusan Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah Darul Aman di dalam mesyuarat-mesyuarat terdahulu yang membangkitkan supaya permohonan mengambil, mengeluar dan memindahkan pasir darat yang melibatkan tanah kerajaan atau kawasan hutan simpan ditangguhkan proses atau dibekukan disebabkan impak kepada alam sekitar yang dihadapi pada masa sekarang.

2.2 Walaubagaimanapun keputusan tersebut tidak pernah dijadikan sebagai dasar Kerajaan Negeri dan seterusnya dipatuhi oleh Pentadbiran Tanah Negeri atau Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

2.3 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawaankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah yang bersidang kali ke 3/2012 bertarikh 18 Julai 2012 telah membuat keputusan membekukan semua permohonan permit untuk mengambil, mengeluar dan memindahkan pasir darat di bawah Seksyen 64 dan 70 Kanun Tanah Negara 1965 sama ada di atas tanah kerajaan atau kawasan hutan simpan yang terletak di dalam Negeri Kedah, Jawatankuasa juga memutuskan Pengarah Tanah Dan Galian, Pengarah Jabatan Perhutanan dan Pentadbiran Tanah hendaklah menolak semua permohonan tersebut yang masih di dalam proses atau tindakan jabatan masing-masing.

### **3. TINDAKAN PENTADBIRAN TANAH DAERAH**

3.1 Oleh itu Pentadbiran Tanah Daerah tidak dibenarkan menerima permohonan baru untuk mengambil, mengeluar dan memindahkan pasir darat. Semua permohonan yang masih di dalam proses atau tindakan jabatan masing-masing hendaklah ditolak.

### **4. PEMAKAIAN**

4.1 Pekeliling ini adalah terhad kepada Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

## **5. TARIKH KUATKUASA**

5.1 Pekeliling ini adalah sebagai pematuhan kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah yang bersidang kali ke 3/2012 bertarikh 18 Julai dan ianya berkuatkuasa **serta merta**.

**(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman**

No. Fail : PTG.KED.K/154/2010 (RINCIK BAHAN BATUAN)

Bertarikh : 21 Ramadhan 1433H

: 09 Ogos 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2016**

---

**PENYERAGAMAN PENGGUNAAN RESIT HASIL (DOKET) BAGI PEMINDAHAN  
BAHAN BATUAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

---

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeling ini bertujuan untuk Penyeragaman Penggunaan Resit Hasil (Doket) Bagi Pemindahan Bahan Batuan Di Negeri Kedah Darul Aman.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Dalam usaha Pentadbiran Tanah Negeri Kedah Darul Aman bagi meminimakan ketirisan kutipan hasil kerajaan negeri, Pihak Pentadbiran Tanah telah mengambil langkah dengan membuat sedikit perubahan di dalam sistem bayaran terhadap pengeluaran bahan batuan terutamanya untuk pasir dan tanah merah. Deraf cadangan Penyeragaman Penggunaan Resit Hasil (Doket) bagi Pemindahan Bahan Batuan di Negeri Kedah Darul Aman ini telah dibentang dan dibincangkan dalam LAB Menyemak Kadar Bayaran Royalti Bahan Batuan (ATK 1966), Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negeri 1985 Serta Bayaran Royalti Mineral Di Bawah Peraturan Mineral Kedah yang diadakan di Hotel Awana Porto Malai Langkawi pada 9 hingga 11 Mac 2012.

2.2 Hasil dari pembentangan dan perbincangan tersebut, **maka satu keputusan telah dibuat dan pihak Pentadbiran Tanah Negeri Kedah telah bersetuju untuk menerima pakai Penyeragaman Penggunaan Resit Hasil (Doket) Pemindahan Bahan Batuan Negeri Kedah Darul Aman terhadap pengeluaran bahan batuan terutamanya pasir sungai, pasir darat, tanah merah dan lain-lain bahan batuan yang difikirkan sesuai oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah “PTG”/Pentadbir Tanah Daerah “PTD”.**

2.3 Sebelum ini, Pentadbiran Tanah Negeri Kedah mengamalkan sistem pelaksanaan pengeluaran bahan batuan terutamanya pasir sungai, pasir darat, tanah merah dan rumput dengan penggunaan doket atau buku resit yang disediakan oleh pemegang permit atau pengusaha dan disahkan oleh PTD berkaitan beserta permit 4C mengikut kuantiti isipadu yang telah ditetapkan dan tempoh masa yang munasabah mengikut budi bicara PTD. Sistem pelaksanaan yang diamalkan ini dilihat mempunyai sedikit ruang berlakunya ketirisan royalti kepada Kerajaan Negeri sama ada berpunca dari kemampuan pengawasan dari pentadbiran tanah sendiri ataupun berpunca dari pihak pengusaha atau pemegang permit.

2.4 Sumber peruntukan kuasa atau peraturan bagi menjalankan tugas Pentadbiran Tanah Negeri Kedah di peringkat Pejabat PTG ataupun Pentadbiran Tanah Daerah bagi pemindahan bahan batuan dan lain-lain yang berkaitan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 70 Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56], dan penguatkuasaan seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 serta lain-lain seksyen berkaitan. Manakala kadar deposit dan premium mengikut Aturan Tanah Kedah 1966 terutamanya subaturan 37(1) (B) item 24 (tertakluk kepada pindaan) atau lain-lain perkara yang berkaitan.

### **3. KADEAH PELAKSANAAN**

3.1 Bagi permulaan pelaksanaan sistem ini, pihak PTG mencetak dan mengeluarkan buku doket bagi keperluan seluruh Negeri Kedah. PTG akan menguruskan pengagihan buku doket tersebut kepada setiap Pejabat Tanah Daerah mengikut permintaan dan keperluan Pejabat Tanah tersebut. (**Lampiran 1: contoh resit hasil/doket**)

3.2 Buku doket tersebut dijual kepada pengusaha kuari dengan harga kos percetakan atau mana-mana kadar harga yang ditetapkan oleh PTG mengikut keperluan atau kos semasa yang difikirkan munasabah.

3.3 PTD diminta mengemukakan anggaran jumlah buku doket yang diperlukan dalam tempoh 6 bulan. Jika PTD mengeluarkan buku doket yang baru kepada pemegang permit, buku doket yang asal sama ada masih belum digunakan atau telah habis digunakan oleh pemegang permit hendaklah diserahkan kembali kepada pihak PTG untuk semakan dan simpanan oleh PTG. Buku doket yang tidak digunakan hendaklah dikembalikan beserta buku asal doket dan penyata pengeluaran bahan batuan kepada PTD.

3.4 Manakala untuk pelanjutan tempoh doket yang sedia digunakan, buku doket yang asal juga hendaklah dikembalikan. Bayaran royalti bahan batuan perlu dibuat sepenuhnya berdasarkan jumlah kuantiti isipadu yang dikeluarkan. (**Lampiran 2: contoh penyata**).

3.5 Kelulusan pemindahan bahan batuan bagi tanah merah secara pukal atau 'lumpsum' juga dikehendaki menggunakan doket yang dikeluarkan ini. Walaupun jumlah kebenaran pengeluaran pukal atau 'lumpsum' dalam kadar kuantiti yang sedikit (sebagai contoh kurang dari 250 meterpadu atau 50 lori).

3.6 Kuantiti muatan pasir sungai, pasir darat dan tanah merah yang ditulis pada doket hendaklah paling hampir kepada meterpadu yang lebih tinggi. Contoh; jika muatan lebih daripada 6 meterpadu dan tidak mencapai 7 meterpadu, kuantiti isipadu yang ditulis pada doket hendaklah ditulis sebanyak 7 meterpadu.

3.7 Sekiranya penyata pengeluaran bahan batuan yang dikemukakan oleh pemegang permit atau pengusaha mencatitkan jumlah kuantiti isipadu bahan batuan yang dikeluarkan adalah melebihi jumlah kuantiti isipadu bahan batuan yang telah dibuat bayaran royalti semasa mendapatkan doket sebelum ini, maka pihak pemegang permit atau pengusaha perlu menjelaskan bayaran perbezaan lebih tersebut terlebih dahulu, sebelum membuat bayaran untuk mendapatkan doket yang baru.

- 3.8 Setiap buku doket hendaklah mempunyai pendua sedia ada yang jelas dan berkualiti dan dicatit dipendua itu salinan Pejabat Tanah Daerah.
- 3.9 Setiap buku doket mengandungi 50 keping helaian atau mana-mana jumlah yang difikirkan sesuai oleh PTG dan terdapat nombor siri bagi setiap helaian asal dan penduanya.
- 3.10 Pada setiap buku doket yang tidak habis digunakan perlu dikembalikan kepada Pejabat Tanah Daerah berkenaan untuk simpanan dan wang tidak akan dikembalikan. Pengusaha hanya dibenarkan memiliki tidak lebih dari 10 buah buku doket dalam satu masa.
- 3.11 Pemegang permit atau pengusaha yang gagal menyerahkan buku doket beserta penyata di Pejabat Tanah Daerah tidak akan dibenarkan mengambil buku doket baru jika buku doket telah mencapai 10 buah.
- 3.12 Pemegang permit atau pengusaha hendaklah hadir dan mengecop nama syarikat atau nama pemegang permit atau pengusaha sendiri di Pejabat Tanah Daerah berkaitan dengan lengkap pada setiap helaian buku doket tersebut sebelum disahkan oleh PTD dan diserahkan kepada pengusaha setelah bayaran yang ditetapkan sepenuhnya. Kakitangan Pentadbiran Tanah Daerah pula akan mengecop sendiri pada buku doket nama Pejabat Tanah Daerah (contoh Baling) dan cop PTD di bahagian bawah doket berserta tandatangan PTD berkenaan. Bahagian-bahagian lain, selain yang dinyatakan kerja-kerja mengecop hendaklah dilakukan sendiri oleh pemegang permit atau pengusaha.
- 3.13 Buku doket boleh juga digunakan bagi pemindahan bahan batuan selain daripada pasir sungai, pasir darat dan tanah merah seperti rumput, bijih besi dan sebagainya mengikut pertimbangan PTD daerah berkaitan.
- 3.14 Bagi pengusaha kilang bata tanah liat, bata pasir dan simen ready-mix yang menggunakan tanah liat atau pasir di tempat kilang tersebut beroperasi, (contoh bata, tanah liat dikilangkan di tempat tapak pengambilan tanah liat itu atau kilang bata pasir atau simen ready-mix yang dikeluarkan dari tapak kuari pasir), penggunaan

buku doket hendaklah di tapak kilang tersebut. Ini bagi memastikan pengusaha tidak terlepas daripada bayaran royalti dan mengelak dari pengusaha atau pemegang permit yang terpaksa membayar dua kali.

3.15 Sebagai langkah keselamatan doket hendaklah berkualiti dan sukar ditiru dan mempunyai ciri-ciri keselamatan serta ditukar warna atau rupa setiap tahun atau setiap enam (6) bulan sekali bergantung kepada keperluan.

#### **4. PENGAWASAN, PEMANTAUAN DAN TINDAKAN PENTADBIRAN**

4.1 Pemantauan, pengawasan dan pemeriksaan hendaklah dibuat oleh Pentadbiran Tanah Daerah dan Seksyen Penguatkuasa Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah dengan menahan periksa kenderaan-kenderaan yang membawa muatan bahan batuan supaya mengikut atau akur dengan jumlah muatan yang sah seperti tercatit dalam resit hasil (doket). Sekiranya berlaku keingkaran, maka satu Resit Pengakuan Pemandu Lori di keluarkan terhadap pemegang permit atau pengusaha (yang disebut sebagai saman) bagi membuktikan berlakunya keingkaran telah berlaku.

4.2 Pentadbir Tanah Daerah boleh mengambil tindakan dengan merampas wang deposit ke atas mana-mana pemegang permit yang terlibat jika, kuantiti muatan (lori) sebenar melebihi kuantiti yang ditulis pada doket yang dikeluarkan oleh pemegang permit atau pengusaha dari tapak kuari. Kadar yang dicadangkan RM 1000.00 bagi setiap lebihan satu (1) meterpadu atau 1 tan metrik.

4.3 Bagi pemindahan bahan batu yang gagal membawa bersama doket semasa pengangkutan bahan tersebut dibuat atau tiada doket dengan tujuan mengelak bayaran royalti, kadar bayaran balik royalti dikira dari kosong (0) meterpadu atau tan metrik. Jika muatan tersebut melebihi sepuluh (10) meterpadu atau sepuluh (10) tan metrik, penguatkuasa PTD atau PTG perlu menahan lori tersebut sehingga sejumlah wang melebihi RM 10,000 dimasukkan oleh pemegang permit atau pengusaha kuari ke Pejabat Tanah Daerah di mana letaknya lokasi kuari berkenaan.

4.4 Kehilangan setiap buku doket atau kegagalan mengemukakan buku doket yang telah digunakan kepada PTD beserta penyata akan dikenakan tindakan merampas deposit sebanyak RM3,000.00. ( $18 \times 50 \times 3 = \text{RM } 2,700.00$  digenapkan jadi RM 3,000.00) bagi pasir dan sebanyak RM 1500.00 ( $10 \times 50 \times 3 = \text{RM } 1,500$ ) bagi tanah merah.

## **5. SYARAT ATAU PERATURAN TAMBAHAN UNTUK KELULUSAN PERMIT BAHAN BATUAN**

5.1 Setiap kebenaran permit pengeluaran bahan batuan yang telah dikeluarkan atau diluluskan oleh Pentadbiran Tanah Daerah dikenakan beberapa syarat atau peraturan terhadap pemegang permit.

5.2 Bagi tujuan pekeliling ini dilaksanakan dan di samping syarat-syarat serta peraturan yang sedia ada yang digunakan oleh PTD / PTG dan pihak lain yang berkaitan hendaklah mengenakan syarat atau peraturan tambahan di dalam syarat-syarat dan peraturan kelulusan seperti berikut :-

***"Pemegang permit atau pengusaha hendaklah mencatitkan di dalam buku doket di bahagian yang telah disediakan di dalam doket berkenaan jumlah kuantiti isipadu bahan batuan sebenar semasa aktiviti mengangkut keluar bahan batuan dibuat.***

***Walaupun begitu, pihak pemegang permit hendaklah juga mengambil kira undang-undang, peraturan atau syarat-syarat dari lain-lain agensi penguatkuasaan yang lain dalam penentuan jumlah kuantiti isipadu bahan batuan yang hendak dikeluarkan.***

***Pentadbiran Tanah sama ada Negeri atau Daerah tidak sama sekali bertanggungjawab di atas kelalaian atau keingkarang pihak pemegang permit atau pengusaha mengenai perkara ini (Jumlah isipadu muatan).".***

## **6. PEMAKAIAN**

**6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Kedah Darul Aman.****

## **7. KUATKUASA**

7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

**(DATO' HAJI NOH BIN HAJI DAHYA, DSDK., AMK., BCK., BPL.)**

**Pengarah Tanah Dan Galian**

**Negeri Kedah Darul Aman.**

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 24 Rabiulakhir 1437

03 Februari 2016



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

**PENETAPAN KADAR PELARASAN DEPOSIT BAGI KESALAHAN-KESALAHAN  
KECIL BERKAITAN BAHAN BATUAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

---

## **1.0 TUJUAN**

1.1 Pekeling ini bertujuan untuk menetapkan kadar pelarasan deposit bagi kesalahan-kesalahan berkaitan bahan batuan di Negeri Kedah Darul Aman.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Pembangunan yang pesat di Negeri Kedah memerlukan bekalan bahan batuan untuk menjana pembangunan ekonomi negeri. Sehingga kini terdapat 183 kuari yang aktif di Negeri Kedah yang mengeluarkan bahan batuan. Setiap pengusaha kuari yang mempunyai permit kebenaran pengeluaran bahan batuan perlu mematuhi syarat-syarat pematuhan pengeluaran bahan batuan dan memastikan mereka melakukan aktiviti pengeluaran dan pengorekkan bahan batuan dengan lebih teratur agar tidak berlakunya ketirisan hasil bahan batuan. Namun begitu terdapat pengusaha-pengusaha kuari yang masih tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Seksyen Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG) sering kali mendapati pengusaha kuari dan pemandu lori telah melakukan kesalahan-kesalahan kecil bahan batuan.

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 16 Kanun Tanah Negara, kesediaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam hal ini untuk membuat penetapan pelarasan deposit ke atas kesalahan-kesalahan kecil berkaitan bahan batuan.

## **2.1 JENIS KESALAHAN-KESALAHAN KECIL BERKAITAN BAHAN BATUAN**

- 2.1.1 Setelah permohonan lesen bagi permohonan pengeluaran dan pengambilan bahan batuan diluluskan, terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh pengusaha, antaranya ialah:
  - 2.1.1.1 Pematuhan penggunaan buku resit hasil / doket.
  - 2.1.1.2 Pematuhan syarat-syarat berkaitan kenderaan lori.
  - 2.1.1.3 Pematuhan syarat-syarat berkaitan waktu operasi.
  - 2.1.1.4 Pematuhan syarat-syarat berkaitan di tapak kuari.
  - 2.1.1.5 Pematuhan syarat-syarat berkaitan pentadbiran.
- 2.1.2 Seksyen Penguatkuasaan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG) dan Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah Daerah (PTD) akan membuat rondaan secara berkala bagi memantau kawasan-kawasan yang berkecenderungan tinggi berlakunya kes-kes pengambilan bahan batuan tanpa permit serta memantau pelanggaran syarat-syarat pentadbiran / teknikal yang telah ditetapkan.
- 2.1.3 Sekiranya ada pelanggaran syarat-syarat pentadbiran / teknikal yang telah ditetapkan, anggota penguatkuasa akan mengeluarkan notis kesalahan-kesalahan kecil (saman) kepada pengusaha kuari atau pemandu lori tersebut.
- 2.1.4 Seterusnya, Notis Kesalahan-Kesalahan Kecil (saman) tersebut akan dikemukakan kepada PTD dan pihak PTD akan menggantung / menamatkan operasi atau membuat pelarasan deposit daripada pengusaha kuari.

- 2.1.5 Kesalahan-kesalahan atau pelanggaran syarat-syarat pentadbiran / teknikal yang berlaku adalah seperti berikut:-
- 2.1.5.1 Tidak mengemukakan doket hasil.
  - 2.1.5.2 Penipuan doket hasil.
  - 2.1.5.3 Tiada pelekat kenderaan bahan batuan.
  - 2.1.5.4 Tiada pemasangan papan tanda di kawasan operasi kuari.
  - 2.1.5.5 Beroperasi di luar masa yang dibenarkan.
  - 2.1.5.6 Membawa muatan melebihi kadar yang dinyatakan dalam doket / resit hasil.
  - 2.1.5.7 Kuari beroperasi walaupun permit telah tamat tempoh.
  - 2.1.5.8 Pelanggaran syarat-syarat kelulusan permit.

### **3.0 PUNCA KUASA YANG DIBENARKAN PIHAK BERKUASA NEGERI UNTUK MEMBUAT PELARASAN DEPOSIT.**

- 3.1 Kanun Tanah Negara (KTN) melalui peruntukan Seksyen 74 (a) dan (b) telah memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pentadbir tanah dan pegawai lain yang mengeluarkan permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan untuk dikenakan deposit bagi setiap permohonan permit bahan batuan.
- 3.2 Oleh yang demikian, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah mengenakan deposit bagi permit untuk mengeluarkan, mengalihkan dan mengangkut bahan batuan seperti yang tertakluk dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman 2018 iaitu di bawah Kaedah 37(1) (b) No.23 Perkara (a), (b)(i)(ii), (c)(i)(ii), (d)(i)(ii), (e)(i)(ii), (f), (g) dan (h).
- 3.3 Sehubungan dengan itu, Kanun Tanah Negara melalui peruntukan Seksyen 16(1) telah memberi kuasa kepada Pengarah Negeri, bagi Pihak Berkuasa Negeri, memula, mendakwa dan menjalankan apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding atas nama jawatannya mengenai —
  - (a) tanah Kerajaan;

- (b) apa-apa kontrak yang berkenaan dengan tanah di mana Pihak Berkuasa Negeri menjadi sesuatu pihak;
  - (c) apa-apa pencerobohan, atau kesalahan-kesalahan lain yang berkenaan dengan tanah;
  - (d) mendapatkan kembali apa-apa item hasil tanah, atau apa-apa ansuran darinya; atau
  - (e) mendapatkan kembali apa-apa denda, atau penguatkuasaan apa-apa penalti, di bawah Akta ini.
- 3.4 Oleh yang demikian, satu keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah melalui kertas No.7(F) 253/2016 Perkara (e) di mana telah bersetuju memberi kebenaran kepada Pentadbiran Tanah Negeri dan Pentadbiran Tanah Daerah membuat pelarasan ke atas wang deposit / wang pertaruhan yang dikenakan kepada pemegang permit menjadi hasil negeri mengikut jumlah yang munasabah. Pelarasan ke atas perlanggaran syarat permit atau perlanggaran-perlanggaran lain yang berkaitan dengan aktiviti pengeluaran bahan batuan kuari terbabit, sekiranya difikirkan munasabah oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.5 Pemegang-pemegang lesen hendaklah membayar hasil bahan batuan di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman 2018 dan bersetuju mematuhi syarat-syarat bagi membawa pindah bahan batuan. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat bagi lesen membawa pindah bahan batuan tindakan pelarasan deposit akan dikenakan.
- 4.0 JUSTIFIKASI PENETAPAN PELARASAN DEPOSIT BAGI KESALAHAN-KESALAHAN KECIL BERKAITAN BAHAN BATUAN**
- 4.1 Penetapan dan penyeragaman kadar kompaun dan kadar rampasan deposit bagi kesalahan-kesalahan berkaitan bahan batuan adalah bertujuan untuk:-

- 4.1.1 Menyeragamkan kadar pelarasan deposit bagi kesalahan-kesalahan atau pelanggaran syarat-syarat pentadbiran / teknikal berkaitan bahan batuan yang di kenakan oleh PTD.
- 4.1.2 Sebagai panduan prosedur kerja bagi memudahkan penetapan kadar pelarasan deposit.
- 4.1.3 Menanggung kos-kos yang terlibat dalam proses penguatkuasaan seperti kos menyewa lori pembawa dan lain-lain kos yang melibatkan tindakan penguatkuasaan.

## **5.0 JENIS KESALAHAN-KESALAHAN KECIL BERKAITAN BAHAN BATUAN**


Jenis-jenis kesalahan kecil beserta kadar pelarasan deposit adalah seperti berikut:-

| BIL | JENIS KESALAHAN                                       | KETERANGAN KESALAHAN  | KADAR PELARASAN DEPOSIT                                |
|-----|---|---|--|
| 1.  | Tiada Resit Hasil                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gagal mengemukakan doket hasil</li> </ul>  | Lori disita dan Pelarasan deposit sepenuhnya.          |
| 2.  | Penipuan Doket Hasil                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan Resit Berulang Kali.</li> <li>• Tiada Cop / Tandatangan yang Sah</li> <li>• Maklumat Tidak Lengkap</li> </ul>         | RM2500.00 bagi Setiap Kesalahan Lori<br><b>Minimum</b> |
| 3.  | Tiada Pemasangan Papan Tanda di Kawasan Operasi Kuari | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada papan Tanda Isyarat 'AWAS' lori Keluar Masuk.</li> <li>• Tiada Papan Tanda Maklumat Kuari di Pintu masuk kuari.</li> </ul> | RM1000.00 bagi Kesalahan<br><b>Minimum</b>             |

|     |  |   |  |
|-----|--|---|--|
| 4.  | Tiada Pelekat Kenderaan ( Bahan Batuan )                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pelekat Kenderaan di Cermin Hadapan.</li> </ul>  | RM300.00 bagi Setiap Kesalahan Lori.                                   |
| 5.  | Beroperasi di luar masa yang dibenarkan                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Waktu Operasi adalah di antara 8.00 pagi – 6.00 petang</li> <li>• Luar waktu Operasi dari 6.01 petang – 7.59 pagi</li> </ul>   | RM5,000.00 bagi Setiap Kesalahan Lori<br><b>Minimum</b>                |
| 6.  | Membawa muatan melebihi kadar yang dinyatakan dalam doket. | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih muatan yang dinyatakan di antaranya:-<br/>1. 0.1m<sup>3</sup> - 5.0m<sup>3</sup><br/>2. 5.0m<sup>3</sup> - 10m<sup>3</sup><br/>3. 10m<sup>3</sup> - 30m<sup>3</sup></li> </ul> | RM1,000.00 bagi Setiap Kesalahan Lori per meter padu<br><b>Minimum</b> |
| 7.  | Kuari beroperasi walaupun permit telah tamat tempoh        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan Resit Hasil yang permit telah tamat tempoh</li> </ul>  | Pelarasan deposit sepenuhnya<br><b>Minimum</b>                         |
| 8.  | Perlenggaran Syarat-Syarat Kelulusan Permit.               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil bahan batuan di luar kawasan yang dinyatakan.</li> <li>• Penandaan Kawasan</li> </ul>  | Pelarasan deposit sepenuhnya<br><b>Minimum</b>                         |
| 9.  | Beroperasi dalam arahan tutup sementara                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Permit dalam siasatan</li> <li>• Perlenggaran syarat-syarat teknikal</li> </ul>  | Pelarasan deposit sepenuhnya<br><b>Minimum</b>                         |
| 10. | Pelanggaran Zon Penampan                                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarat 10 Meter ( 30 kaki ) atau berdasarkan kelulusan OSC</li> </ul>  | RM5,000.00 Kesalahan<br><b>Minimum</b>                                 |
| 11. | Kegagalan mematuhi kolam endapan                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gagal selenggara / mengawal aliran air keluar dari Stokpile.</li> </ul>  | RM3,000.00 Kesalahan<br><b>Minimum</b>                                 |

|     |  |   |  |
|-----|--|---|--|
| 12. | Gagal mengembalikan buku doket dan penyata jualan. | <ul style="list-style-type: none"><li>• Tanah Merah</li><li>• Bata Pasir / Merah</li><li>• Pasir Darat / Sungai</li></ul> | RM1,500.00<br>RM3,000.00<br>RM3,000.00<br><br><b>Minimum</b> |
|-----|--|---|--|

## 6.0 KAE DAH PERLAKSANAAN



## **7.0 PEMAKAIAN**

7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua **Pentadbiran Tanah Daerah di Negeri Kedah Darul Aman.**

## **8.0 KUATKUASA**

8.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh 01hb Januari 2020; dan

8.2 Bersetuju hanya Perenggan 4.2, Perkara 4, Pekeliling PTG Bil. 1/2016 adalah terbatal.

**(DATO ' HAJI MOHAMAD BIN HAJI CHE NAI, DSDK., SDK., AMK., BCK.)**

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH**

No. Fail : PTG. KED. U / 33 (P) / 2009 JLD 2

Bertarikh : 26 Jamadilawal 1441

Bersamaan : 22 Januari 2020